



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 30 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NASIB NELAYAN TIDAK DIPINGGIRKAN, TAMBAH BAIK ELAUN SARA HIDUP, MELAKA HARI INI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	JABATAN PERIKANAN MELAKA LEPASKAN LEBIH 350,000 BENIH IKAN, UDANG GALAH, BERITA RTM -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	356,260 BENIH IKAN DAN UDANG DILEPASKAN DI PERAIRAN MELAKA, MELAKA HARI INI -ONLINE	
4.	HUJAN SETIAP PETANG, SETEMPAT, METRO AHAD -ONLINE	
5.	MMEA SEIZES FOREIGN-CREWED FISHING BOAT, LOACAL NEWS, NEW SUNDAY TIMES -ONLINE	
6.	PEMBINAAN PASAR NELAYAN PAITAN TINGKAT PENDAPATAN NELAYAN, JESELTON TIMES -ONLINE	
7.	PERUNTUKAN RM200,000 BANTU NELAYAN PAITAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
8.	MALAYSIAN FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY TO BUILD FISHERMEN'S MARKET IN PAITAN – RONALD, BERNAMA -ONLINE	
9.	LKIM BINA PASAR NELAYAN DI PAITAN – RONALD, MY METRO -ONLINE	
10.	RAKYAT B40 & ASNAF DIGALAK TANAM NANAS UNTUK TAMBAH PENDAPATAN – TIMB MENTERI PERTANIAN, OHI SEMPUT -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
11.	KESEGERAN NANAS DARI LADANG, XPRESI, METRO AHAD -ONLINE	
12.	ANTI-INFLATION TASK FORCE CONTINUES TO ADDRESS EGG SHORTAGE, RISING CHICKEN PRICE, SEE HUA DAILY NEWS -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Nasib nelayan tidak dipinggirkan, tambah baik elaun sara hidup



SUNGAI RAMBAI 30 Oktober – Kerajaan tidak meminggirkan nasib nelayan dalam usaha memastikan kelangsungan hidup golongan kurang berkemampuan atau B40 itu ketika berdepan ekonomi tidak menentu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, lebih 50,000 nelayan darat dan nelayan laut mempunyai lesen berdaftar dan menikmati Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) diberikan oleh kerajaan.

Justeru katanya, beliau berharap elaun itu diharapkan dapat ditambah baik dan diteruskan serta dipertahankan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

“Golongan nelayan, petani dan penternak adalah penyokong kerajaan, kerana golongan ini sentiasa diberikan perhatian.

“(Malah) Yang Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob juga sebenarnya datang dari golongan tersebut, kerana beliau cukup sensitif dengan golongan B40.

“Diharapkan, elaun ini dapat dipertahankan bukan sahaja pada pembentangan Bajet 2023 malah Perdana Menteri sendiri memberikan pembelaan kepada golongan B40 terutama petani, penternak dan nelayan menerusi pelbagai peruntukan disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pesta Jejaki Udang Galah di Sungai Kesang Peringkat Daerah Jasin di Laman Belia Sungai Rambai di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Azis dan Pengarah Perikanan Negeri Melaka, Mohd Fauzi Salehon.

Untuk rekod, setiap nelayan laut menerima ESHN sebanyak RM300 manakala nelayan menerima sebanyak RM200.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	BERITA RTM	ONLINE	

Jabatan Perikanan Melaka lepaskan lebih 350,00 benih ikan, udang galah



perairan Sungai Rambai.

SUNGAI RAMBAI, 30 Oktober- Jabatan Perikanan Negeri Melaka melepaskan kira-kira 356, 260 benih pelbagai spesies ikan dan udang galah ke perairan sungai dan laut di negeri itu sepanjang tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia termasuk pelepasan sebanyak 100,000 benih udang galah di

Beliau berkata, usaha itu untuk memberi kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan memulihara ekosistem perikanan darat selain memastikan stok bekalan makanan sentiasa bertambah.



(Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah)

"Pada bulan September lalu, kita dapat lihat pembesaran ini cukup ketara sekali kerana daripada siasatan Jabatan Perikanan udang benih udang galah yang kita lepaskan pada tahun lepas, ia telah mula matang.

"Kita hendak melihat janganlah ada dalam kalangan nelayan kita menjaring, kita hanya membenarkan mereka memancing, kalau boleh biarlah udang-undang ini dapat membesar, berterlur dan membiak", katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Program Pesta Jejak Udang Galah Peringkat Jasin di Laman Belia, Sungai Rambai.

Katanya, bermula tahun lalu, Melaka melesenkan sebanyak 194 sampan dan semua pemohon layak dilesenkan telah menghadiri temuduga yang diadakan Jabatan Perikanan Negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	MELAKA HARI INI	ONLINE	

356,260 benih ikan dan udang dilepaskan di perairan Melaka



SUNGAI RAMBAI 30 Oktober – Jabatan Perikanan Negeri Melaka melepaskan sebanyak 356,260 ekor benih ikan dan udang di perairan Melaka pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pelepasan benih sumber makanan laut itu bagi memastikan matlamat untuk melestarikan alam sekitar selain memulihara sumber dan biodiversiti perikanan darat.

Katanya, pelepasan benih ikan dan udang itu juga dapat menambah stok di perairan umum sekali gus meningkatkan jaminan bekalan makanan.

“Sebanyak 256,260 ekor benih ikan meliputi spesis lampam sungai, baung dan udang galah dilepaskan oleh Jabatan Perikanan Negeri Melaka bagi tahun 2022.

“Hari ini sahaja, sebanyak 100,000 ekor benih ikan dan udang galah dilepaskan di perairan Sungai Kesang,” katanya.



AHMAD menyaksikan pelepasan benih ikan dan udang di Laman Belia Sungai Kesang di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pesta Jejak Udang Galah di Sungai Kesang Peringkat Daerah Jasin di Laman Belia Sungai Rambai di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Azis dan Pengarah Perikanan Negeri Melaka, Mohd Fauzi Salehon.

Dalam majlis berkenaan, Ahmad turut menyerahkan Sijil Lesen Sampan Khas kepada 12 nelayan Daerah Jasin.

Beliau berkata, seramai 194 pemilik sampan di Melaka layak menerima lesen berkenaan sejak tahun lalu selepas menghadiri temuduga dijalankan Jabatan Perikanan Negeri.

“Jumlah tangkapan di Melaka adalah lebih kurang 23 peratus sahaja, yang lain (sumber makanan laut) terpaksa dibeli atau dibawa dari luar.

“Itu sebabnya Ketua Pengarah Perikanan sentiasa membuat pemantauan dan pemutihan, kita tapis habis-habisan lesen kerana jika diberikan begitu sahaja mereka turun ke laut tangkapan ikan tidak ada, pun tidak boleh juga,” katanya.

Headline	Hujan setiap petang		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	30 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	11	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	196 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,721
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,164



SEKUMPULAN pemancing meneruskan aktiviti memancing walaupun keadaan cuaca mendung dan hujan di perairan Laut China Selatan ketika tinjauan di Pantai Kampung Pancur Hitam, Labuan, kelmarin. Cuaca hujan dan ribut petir berlaku hampir setiap petang hingga malam sepanjang minggu di pulau bebas cukai itu. Beberapa siri hujan lebat yang menyeluruh juga dijangka akan berlaku berikutan Monsun Timur Laut yang bermula pada November 2022 dan akan berakhir pada Mac 2023. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menasihatkan nelayan pantai supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan peka terhadap laporan ramalan cuaca dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dari masa ke semasa.

Headline	MMEA seizes foreign-crewed fishing boat		
MediaTitle	New Sunday Times		
Date	30 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	38,902
Page No	7	Readership	116,706
Language	English	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,789
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,367



Five out of six undocumented Myanmar fishermen sitting on their boat after being arrested by the Pahang Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) off the waters of Nenasi, Pekan, on Thursday. PIC COURTESY OF THE MMEA

LOCALLY REGISTERED VESSEL

MMEA seizes foreign-crewed fishing boat

KUANTAN: The Pahang Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) detained six Myanmar fishermen and seized a locally-registered Class C boat 8.3 nautical miles east off Nenasi, Pekan, on Thursday.

State MMEA director Maritime First Admiral Kamal Ariffin Jusoh said the six, including a skipper, were detained during Op Makmur at 9:10 pm.

Initial investigations revealed that the boat was crewed by six Myanmar men aged between 19 and 31.

All six did not have proper iden-

tification documents.

"MMEA personnel detained the Myanmar nationals and seized the boat and its equipment, as well as their 4,500kg catch.

"All the items, along with the crew, were taken to the maritime post jetty in Teluk Gading, Rompin and handed to investigating officers for further action," Kamal Ariffin said in a statement yesterday.

He added that the operation was mounted following complaints from the public of foreigners in waters off Nenasi.

The case is being investigated

under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985 for violating licencing regulations and fishing at a prohibited location. Those who commit the offence can be fined by the Fisheries Department.

"The MMEA urges fishermen to refrain from violating regulations to ensure the safety of Malaysian waters."

He urged those with information on illegal activities at sea to contact the Pahang Maritime Operations Centre at 09-571 7345 or the MERS emergency hotline, which operates for 24 hours, at 999.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	JESELTON TIMES	ONLINE	

Pembinaan Pasar Nelayan Paitan Tingkat Pendapatan Nelayan



PAITAN: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pasar Nelayan Paitan dan mengadakan sesi sembang santai bersama nelayan Paitan pada pagi ini.

Program Pasar Nelayan merupakan salah satu inisiatif Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam usaha meningkatkan pendapatan keluarga nelayan dengan memberi peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil

tangkapan mereka secara terus kepada pengguna.

Berucap pada majlis itu, Ronald berkata penglibatan nelayan sebagai peserta di pasar nelayan ini telah membantu dalam peningkatan pendapatan nelayan daripada bawah RM1,000 sebulan kepada melebihi RM2,000 sebulan.

“Pembinaan Pasar Nelayan juga lebih teratur dan berpusat di bawah satu bumbung dengan kemudahan infrastruktur, penggunaan peralatan yang lebih baik dan selesa yang disediakan oleh LKIM. Ia juga dapat dijadikan medium pasaran alternatif hasil laut untuk memasarkan hasil tangkapan nelayan secara terus kepada pengguna terutama di kawasan Paitan.

“MAFI akan terus melihat keperluan dan infrastuktur seperti pasar nelayan ini yang diperlukan oleh masyarakat nelayan dalam memberi peluang kepada nelayan untuk menjual terus hasil tangkapan mereka secara terus kepada pengguna tanpa penglibatan orang tengah dan secara tidak langsung memberikan pendapatan yang baik kepada nelayan” katanya.

Pasar Nelayan Paitan yang dibina dengan kos peruntukan sebanyak RM200,000 merupakan pasar nelayan yang ke-12 di Negeri Sabah dan merupakan ke-136 di seluruh Malaysia.

Dalam majlis berkenaan, Ronald turut menyerahkan ‘Mock Cheque’ Bantuan Touch Point (Enjin Sangkut) kepada 20 orang nelayan Paitan dengan peruntukan sebanyak RM200,000.

“Kerajaan melalui LKIM sentiasa memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam menjaga kebajikan serta terus memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dan sektor perikanan negara,” kata Ronald.

Tambah beliau lagi, Kerajaan melalui MAFI dan LKIM akan terus memastikan kebajikan golongan nelayan yang merupakan antara barisan hadapan sektor agromakanan yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan sekuriti bekalan makanan negara.

Turut hadir dalam majlis ini, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Labuk, YB Tuan Samad bin Jambri, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Tuan Yusoff bin Othman, Pengarah LKIM Sabah, Encik Mohd Jamil bin Abdullah, Penolong Pegawai Daerah Kecil Paitan, Encik Joloning Joe Majambu, Pegawai Wilayah LKIM Wilayah II Sandakan, Encik Hasbie Mokti dan Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan, Encik Barjahun Hiyah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Peruntukan RM200,000 bantu nelayan Paitan



BANTUAN: Ronald (tengah) menyaksikan Ketua Pengarah LKIM Yusof Othman menyerahkan replika bantuan kepada Pengerusi PNK Paitan Barjahun Hiyah.

PAITAN: Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberikan peruntukan sebanyak RM200,000 untuk membantu nelayan di daerah ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata peruntukan itu bagi menghargai peranan yang dimainkan oleh nelayan dalam memastikan kelangsungan dan kelancaran rantai bekalan makanan negara.

Katanya, daripada jumlah peruntukan itu, seramai 20 nelayan menerima RM10,000 setiap seorang sebagai bantuan Touch Point enjin sangkut untuk manfaat mereka.

“Kementerian sentiasa komited memastikan peningkatan pengeluaran dan bekalan makanan khususnya hasil perikanan sentiasa mencukupi sepanjang masa.

“Selain itu, menjaga kepentingan dan kebajikan nelayan yang merupakan antara golongan sasaran dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Pasar Nelayan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan, di sini hari ini.

Menurutnya, sejajar dengan hasrat kementerian memastikan sumber ikan dalam pasaran sentiasa mencukupi, pelbagai program dan inisiatif dibawah LKIM dilaksanakan antaranya Pemasaran Ikan Persatuan Nelayan.

“Inisiatif itu bertujuan memberi sokongan serta galakan kepada perniagaan pemasaran ikan dan menjalinkan rantai pasaran antara Persatuan Nelayan.

“Saya berharap nelayan dapat memberikan kerjasama menjual hasil tangkapan melalui PNK seterusnya sebahagiannya dijadikan stok bekalan pada masa akan datang,” katanya.

Mengulas mengenai pembinaan Pasar Nelayan itu, Ronald berkata, ia adalah kemudahan kepada golongan nelayan yang terangkum di dalam Program Pasar Nelayan.

Katanya, pasar adalah salah satu inisiatif MAFI melalui LKIM bagi meningkatkan pendapatan nelayan dengan memberi peluang mereka memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pengguna.

“Menerusi program ini, nelayan dapat memendekkan rantai pemasaran dan melepaskan mereka dari cengkaman orang tengah sekali gus memperolehi pulangan harga yang lebih baik.

“Pengguna atau pelanggan setempat pula boleh mendapat bekalan ikan segar pada harga yang lebih berpatutan,” katanya.

Ronald berkata, sehingga September tahun ini, sebanyak 135 buah Pasar Nelayan telah dibina dengan penglibatan seramai 640 orang peserta di seluruh negara.

“Saya difahamkan, setakat ini sebanyak 10 orang peserta yang terdiri nelayan Paitan terlibat dalam Pasar Nelayan ini yang dibina dengan kos peruntukan sebanyak RM200,000.

“MAFI akan terus melihat keperluan pembangunan infrastruktur seperti pasar nelayan ini yang sudah tentu akan memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.



GENERAL

Malaysian Fisheries Development Authority to build fishermen's market in Paitan - Ronald



30/10/2022 05:13 PM

PAITAN, Oct 30 (Bernama) – The Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) will develop a fishermen’s market here to boost the income of fishermen in this sub-district by selling their catch directly to consumers.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee said the initiative is being funded by existing allocations of RM200,000.

“The market will be more organised and centred under one roof with better infrastructure and using proper equipment all prepared by LKIM.



“The ministry will continue to look at the needs of fishermen in rural areas to give them the opportunity to sell their catch directly to consumers without the involvement of middlemen to indirectly boost their income,” he said at the groundbreaking ceremony for the market here today, in the presence of LKIM director-general Yusoff Othman.

Ronald said the Paitan Fishermen's Market, expected to be completed at the end of next year, will be LKIM's 12th market in Sabah and the 136th in Malaysia.

He added that the transactions at the 135 fishermen's markets in Malaysia had exceeded RM44.1 million with sales of over 3,000 metric tons of catch since January this year till September.



- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	MY METRO	ONLINE	

LKIM bina pasar nelayan di Paitan – Ronald



RONALD Kiandee menyempurnakan simbolik pecah tanah pasar nelayan Paitan hari ini. FOTO Bernama

Paitan: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan membangunkan sebuah pasar nelayan di sini bagi meningkatkan pendapatan keluarga nelayan di daerah kecil ini dengan memasarkan dan menjual hasil tangkapan secara terus kepada pembeli.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, inisiatif LKIM itu sudah diusahakan sejak awal dengan peruntukan sedia ada berjumlah RM200,000.

"Pembinaan Pasar Nelayan Paitan ini juga akan lebih teratur dan berpusat di bawah satu bumbung dengan kemudahan infrastruktur, penggunaan peralatan yang lebih baik dan selesa yang disediakan oleh LKIM.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus melihat keperluan dan infrastruktur seperti pasar nelayan ini yang diperlukan oleh masyarakat nelayan di luar bandar dalam memberi peluang kepada nelayan untuk menjual terus hasil tangkapan mereka secara terus kepada pengguna.

"Ia dilakukan tanpa pembabitan orang tengah dan secara tidak langsung memberikan pendapatan yang baik kepada nelayan," katanya pada majlis pecah tanah pasar itu di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah LKIM Yusoff Othman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2022	OH! SEMPUR	ONLINE	

Rakyat B40 & asnaf digalak tanam nanas untuk tambah pendapatan - Timb Menteri Pertanian



Kerajaan menggalakkan golongan B40 dan asnaf negara menceburi bidang pertanian iaitu dengan menanam nanas sama ada secara individu atau berkumpulan bagi menjana pendapatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, ini kerana pendapatan bulanan penanam nanas boleh mencecah setinggi antara RM5,000 hingga ke RM8,000 sehektar berdasarkan permintaan tinggi dari luar negara.

"Eksport nanas negara dijangka berkembang pada kadar lima peratus setiap tahun berikutan peningkatan permintaan bagi nanas segar dan produk nanas dalam tin.

"Dengan itu, kami menggalakkan kumpulan B40 dan asnaf menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana kami mahu memberi mereka latihan mengenai kaedah penanaman dan tangkai nanas percuma untuk penanaman," katanya.

Dalam pada itu juga, Nik Muhammad Zawawi berkata, untuk industri nanas di Kelantan, sejumlah RM10,000 telah diberikan kepada lima peserta di bawah Projek Transformasi dan Pengurusan Teknologi Penanaman Nanas.

Headline	KESEGARAN NANAS DARI LADANG		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	30 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Xpresi	Circulation	120,979
Page No	36	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	840 cm ²
Journalist	Nor Hairulnizam Wahid	AdValue	RM 32,964
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,892

AGRO

Oleh Nor Hairulnizam Wahid
nencana@metro.com.my

Tidak keterlaluan apabila dikatakan pusat pelancongan agro di Sungai Merab, Selangor ini disifatkan syurga pencinta nanas.

Sebaik illa di pintu masuk, anda akan disajikan dengan sajian pemandangan hijau rimbuan pokok nanas yang melitari suasana, namun tarikannya tidak berhenti di situ.

Pemanduan mendaki bukit kemudian membawa pengunjung ke kafe yang pasinya akan membuatkan mereka terpesona dengan pemandangan sekitar. Bangi yang boleh dilihat dari kawasan itu.

Tidak cukup dengan itu, rasa keenakan aneka produk berasaskan nanas seperti kariap nanas, nasi lemak sambal nanas, jus nanas dan pelbagai pemans mutlak daripada buah berkenaan.

Bagi pemiliknya, Mohd Noorhardy Mohd Noorzalim, 42, Saudagar Nanas Agrofarm memenuhkan impian untuk menjadikan nanas sebagai sebuah produk pelancongan agro meskipun dia tidak memiliki latar belakang dalam bidang pertanian.

Semuanya bermula apabila dia tidakanya berminat untuk memulakan perniagaan tidak membuatkan hasil sebelum mengambil keputusan menjual nanas pada 2017.

"Saya bermula dengan menjual nanas milik orang dan menumpang kedai orang

KESEGARAN NANAS DARI LADANG

Mohd Noorhardy turut kongsi rezeki dengan usahawan keluarkan produk berasaskan nanas



NANAS segar dari ladang

menarik pengunjung, dia mengkaji konsep yang terdapat di beberapa tarikan agro pelancongan tempatan yang lain dan Indonesia.

Hasil pengamatannya, setiap produk pelancongan agro yang berjaya mempunyai tiga ciri iaitu lokasi dengan pemandangan menarik, mencipta banyak tarikan untuk bergambar dan mempunyai produk yang berasaskan bahan sama.

Pada masa sama menurut Mohd Noorhardy, pembukaan pusat pelancongan agro itu juga memberi kesempatan kepadanya berkongsi rezeki dengan usahawan yang mengeluarkan produk berasaskan nanas.

"Dalam seminggu, saya hanya dapat jual satu tan nanas, tetapi kami perlukan lima hingga enam tan jadi untuk itu saya membeli daripada rakan lain dan menjualnya di sini."

"Kariap nanas ini pula adalah produk buatan sendiri daripada usahawan berbilang, dan kami menerima bekalan 3,000

biji seminggu, begitu juga dengan bekalan sambal nanas, kerepek serta aiskrim nanas.

"Permintaan tertinggi yang lain termasuk rangkaian pastrri berasaskan nanas seperti kek keju nanas, lari keju nanas, kek cawan nanas dan kek Japanese puff nanas. Hakikatnya bukannya semua benda kita boleh buat dan di sini, kita berkongsi rezeki," katanya.

Bagi yang berminat untuk menanam sendiri nanas di rumah, pusat pelancongan agro itu turut menjual stek nanas. Selain buah nanas yang baru dipetik untuk dibawa pulang.

Mengenai perancangan masa depannya, Mohd Noorhardy berhasrat membina sebuah kilang mini bagi membolehkan pengunjung menyaksikan sendiri nanas diproses untuk dijadikan jus dan nanas goreng.

"Bagi pengunjung cilik pula, saya akan dirikan sebuah zoo mini sebagai tarikan keluaran, bagi membolehkan mereka bermain dan bergambar dengan haiwan sambil menikmati suasana di sini."

Katanya yang akan terus 'berkary' bagi memastikan pembangunan di ladang itu berterusan," katanya.



NANAS hiasan jenis bromeliad turut ditanam



SULUR nanas dijual bagi yang ingin menanamnya di rumah



Mohd Noorhardy bangga dapat jayakan bisnes pelancongan agro

Kariap nanas ini pula adalah produk buatan sendiri daripada usahawan berhampiran dan kami menerima bekalan 3,000 biji seminggu

MOHD NOORHARDY

selain untungnya saya bayar kemudian. Kemudian saya belajar memasarkan sedikit demi sedikit dan akhirnya menjualnya secara borong.

"Malah saya hantar ke seluruh kawasan Lembah Klang, Jal di pasar tani dan di tepi jalan, kemudian berkembang dengan menjual benih ke Sabah serta Sarawak," kata garutuan bidang Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Jelasnya, setahun kemudian dia bertekad mengasahakan sendiri ranaman berkenaan dan mendapatkan khidmat nasihat serta bantuan benih daripada Lembaga Kebajikan Nanas Malaysia (LPNM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Motivasi memusahakan produk pelancongan hanya hadir ketika Mohd

Noorhardy melawat ke Abang Strawberry di

pada tahun sama apabila ia menawarkan rangkaian produk strawberry.

"Jika dia ada strawberry, saya pula mempunyai pelbagai produk nanas seperti kariap nanas,

nanas goreng, jus nanas dan pelbagai produk hilitan

boleh dijual di kafe. Sejak itu saya menaman azam untuk terlibat dalam agro pelancongan," katanya.

Menurutnya, untuk memantapkan pusat agro pelancongan itu mampu

Headline	Anti-inflation task force continues to address egg shortage, rising chicken price		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	30 Oct 2022	Color	Black/white
Section	West Malaysia	Circulation	63,549
Page No	3	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 690
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,069



聖戰特工隊被指失敗 安努亞：繼續解決雞價漲

（哥打巴魯29日訊）抗通貨膨脹聖戰特工隊主席丹斯里安努亞指出，正副部長不應該針對政府政策互相攻擊，反之須向人民展示良好領導素質。

他是針對國家團結部副部長旺阿末法依沙最近指責抗通貨膨脹聖戰特工隊失敗一事，這樣回應。

安努亞也是通訊及多媒體部長。

他今日出席大馬一家促銷計劃後，在記者會上說，如果所提出的事實、論據或指控是毫無根據，這將清楚展示有關領袖的弱點。

「儘管國會已解散，但部長和副部長仍扮演看守角色，因此『集體責任』原則依然生效。」

旺阿末法依沙最近批評抗通貨膨脹聖戰特工隊失敗，因為交給與農業與食品工業部無關的部長負責。

安努亞解釋，特工隊成

員是包括農業部長拿督斯里羅南達迪及首相署（經濟）部長拿督斯里慕斯達法，以協助人民應對通膨。

他說，政府已通過發放各種補貼，以控制石油、肉雞及雞蛋等價格，若與鄰國泰國、印尼及柬埔寨比較，我國肉雞價格依然便宜。

他表示，儘管在看守政府階段是難以執行，不過特工隊會繼續努力協助人民應對肉雞價格上漲及雞蛋供應不足問題。

他指出，特工隊將與生產商合作，確保肉雞和雞蛋供應更有序，同時要求各方在這幾個星期給予配合。

「我擔心，因為現在有些物品短缺特別是雞蛋，我們發現肉雞價格也開始超過頂價。如果價格隨意上漲，我們將無法快速解決這問題。因為我們處在看守政府。因此我要求各方合作，不要加劇這問題。」